



TRANSJANTINA KEKELIRUAN YANG MEMUDARATKAN

Khafizan Mohd Bahar

Transjantina atau dikenali dengan gelaran mak nyah atau pondan ialah golongan yang terperangkap dalam jantina impian yang berlawanan dengan identiti seksual semula jadi mereka. Walaupun dilahirkan sebagai lelaki, tetapi mereka merasakan diri sebagai perempuan secara fizikal, perwatakan dan penampilan. Oleh itu, mereka memperlihatkan identiti, ekspresi dan kelakuan kepada khalayak menurut gender yang berlawanan dengan jantina lahir. Ada yang memperlihatkan perwatakan lembut dan keperempuanan, berpakaian seperti wanita, malah ada yang secara total mengubah dirinya menjadi wanita dengan mengambil pil hormon dan menukar alat kelamin.

Terma yang selalu dikaitkan dengan transjantina, ialah “gender dysphoria”. Individu yang mengalami masalah mental ini mengalami konflik dalaman antara jantina fizikal dengan identiti sebenar mereka. Individu tersebut akan berasa tidak selesa dengan fizikal atau jantinya sendiri dan kadang-kadang berasa tertekan dengan perasaan yang berlawanan dengan jantina sebenar. Namun begitu, terma gender dysphoria ini lebih umum kerana melibatkan pelbagai peringkat masyarakat termasuk kanak-kanak.

Pada tahun 2000, American Psychological Association (APA) telah mengesahkan bahawa transjantina ialah suatu penyakit Gender Identity Disorder. Dalam erti kata lain, transjantina ialah penyakit mental atau gila. Hal ini bermakna seseorang yang mendakwa jantina dirinya berlawanan dengan jantina lahir mereka, maka individu tersebut mempunyai penyakit “gila”. Namun demikian, terma “mental disorder” atau gila yang dikaitkan dengan individu transjantina atau transeksual didakwa telah menyebabkan golongan tersebut tidak diterima dan disisih oleh masyarakat. Pada tahun 2019, World Health Organisation (WHO) telah menilai semula klasifikasi itu dengan melakukan kajian demi kajian baharu terhadap individu yang bermasalah, lalu memutuskan bahawa transjantina bukanlah penyakit mental.

Menurut ulasan pihak terbabit, pengekalan status transeksual atau transjantina sebagai gila akan melebarkan stigma masyarakat dan menyuburkan diskriminasi ke atas golongan itu. WHO telah mengubah terma bagi transjantina kepada “gender incongruence” atau kecelaruan jantina. Natiujahnya, keputusan WHO yang membuat keputusan bahawa transjantina bukan lagi penyakit mental telah membawa mesej liberalisasi transjantina ke seluruh pelosok dunia.

Islam sebagai cara hidup sudah jelas menggariskan bahawa kecelaruan jantina bukan ditetapkan berdasarkan kepada “apa yang diinginkan” oleh seseorang berdasarkan kecelaruan identiti dalam diri seseorang. Akan tetapi, Islam meletakkan hukum selari dengan tabii yang diciptakan menjadi fitrah kepada individu tersebut. Oleh sebab itu, dalam hal menetapkan masalah kecelaruan jantina, Islam melihat tanda-tanda fizikal yang menentukan seseorang itu sama ada lelaki atau perempuan. Sebagai contoh dalam kes khunsa musykil, iaitu seseorang yang pada fizikalnya mempunyai dua

alat kelamin. Sama ada kedua-dua alat kelamin tersebut berfungsi atau tidak berfungsi dengan baik, maka menurut hukum, individu tersebut akan diputuskan sebagai lelaki atau perempuan mengikut keadaan berikut;

1. Jantina sama ada lelaki atau perempuan ditentukan dari mana tempat mula air kencing keluar, atau kuantiti yang banyak, atau dikira paling akhir berhenti.
2. Jika selepas baligh, hal tersebut ditentukan selepas adanya tanda-tanda baligh yang cenderung kepada lelaki atau perempuan seperti keluar air mani kerana bermimpi atau keluar darah haid.

Setelah jelas kesemua tanda cenderung sama ada lelaki atau perempuan, syarak menetapkan individu tersebut perlu mengambil keterangan pakar perubatan sebelum menjalani proses pembedahan menukar jantina. Dalam isu transeksual pula, Islam amat melarang penukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya atas pilihan sendiri atau lebih dekat disebut sebagai transeksual (individu yang dilahirkan lelaki, tetapi membuat pembedahan menjadi wanita). Daripada dua senario berbeza ini, dapat disimpulkan bahawa satu golongan yang dikurniakan dilema jantina berdasarkan kesangsian fizikal pada tubuh mereka disebut sebagai khunsa. Maka itu, Islam telah menjelaskan kaedah dan hukum supaya dituruti oleh individu yang mempunyai masalah tersebut. Sebaliknya golongan transeksual (dalam Islam disebut *mukhannas*) pula ialah golongan yang terperangkap dengan jantina yang berbeza daripada jantina lahir mereka yang dibuat-dibuat menurut emosi dan perasaan tanpa merujuk fitrah kejadian yang telah ditetapkan kepada mereka sebagai lelaki. Perbezaan antara kedua-dua golongan tersebut ialah *asl al-khulq*, iaitu kejadian asal pada golongan khunsa musykil, dan *taghyir al-khulq*, iaitu mengubah ciptaan yang dilakukan oleh golongan transjantina.

Kekeliruan jantina yang dibuat-buat secara emosi dan perasaan yang berlawanan dengan jantina lahir, contohnya dalam kes seorang lelaki yang menganggap dirinya perempuan akan mengakibatkan kekeliruan dari aspek lain. Sungguhpun penyakit gender incongruence tidak lagi diiktiraf sebagai penyakit gila, namun implikasinya bukan sedikit khususnya terhadap masyarakat umum. Implikasi

“Bermula dengan kekeliruan jantina yang dialami oleh seseorang atas faktor tertentu, maka seseorang itu akan terdorong memilih jalan yang salah. Dengan melakukan usaha menukar jantina, maka akan menambahkan kekeliruan terhadap identiti sebenar mereka.”

yang dimaksudkan ialah liberalisasi transjantina yang membawa gejala mak nyah dalam kalangan masyarakat. Dengan wujudnya golongan *trans* yang semakin bertambah dan terlalu menonjol dalam masyarakat, maka kesongsangan moral golongan tersebut tidak lagi dipedulikan oleh masyarakat, malah menjadi kebiasaan yang boleh diterima.

Suatu masa dahulu, golongan transjantina banyak dilihat terlibat dalam aktiviti mengandam pengantin dan solekan. Namun begitu, pada masa sekarang lelaki *trans* telah melalui transformasi pembentukan wajah dan badan secara menyeluruh. Hampir semua rupa paras mereka kelihatan seorang wanita yang sempurna, bahkan lebih cantik. Mereka pula memunculkan diri dalam platform sohor kini terutama bidang perniagaan kosmetik dan kecantikan sehingga menjadi personaliti yang mempunyai ramai pengikut dalam laman sosial. Kebanyakan lelaki *trans* yang berpenampilan begitu tidak lagi memilih kerjaya jujuk dengan berpelesenan di tepi jalan untuk menjual tubuh. Akan tetapi, lagak dan watak mereka saling tidak tumpah seperti perempuan dan pergaulan mereka bersifat feminin kerana mereka merasakan diri mereka perempuan, bukan pondan.

Penampilan menyerupai perempuan oleh lelaki *trans* dalam video siar langsung bersama produk kecantikan untuk tujuan perniagaan tidak dianggap sebagai perkara yang melanggar norma dan tatasusila. Hal ini dikatakan demikian kerana penonton menerima mesej utama, iaitu kelebihan produk yang diiklankan lebih daripada penampilan songsang mereka yang dipaparkan dalam media sosial. Di sinilah bahayanya, iaitu kekeliruan identiti yang dialami oleh transjantina. Hantaran dalam laman sosial seperti video yang dimuat naik dilihat sebagai suatu hal yang natural oleh penonton yang suka. Jika tidak semua yang mengikuti atau melihat mereka, tetapi hantaran itu boleh membawa mesej sampingan. Hal tersebut mungkin bertujuan mahu mengangkat martabat golongan tersebut agar tidak lagi ditolak dan dihina oleh masyarakat. Setidak-tidaknya mereka mahu menggambarkan bahawa walaupun menjadi transjantina dalam masyarakat yang alergi, mereka masih boleh menjadi individu yang berjaya dan memiliki kekayaan.

Satu perkara lagi yang menjadi kekeliruan bagi golongan transjantina adalah dalam soal beribadat. Pokok pangkal dalam kekeliruan beribadat bagi golongan lelaki *trans* berpunca daripada kekeliruan



di dalam dirinya yang tetap tidak dapat menerima bahawa dirinya ialah lelaki. Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan kontroversi gambar dan video seorang lelaki *trans* yang juga seorang personaliti perniagaan sedang melakukan umrah di hadapan Kaabah. Dia dilihat memakai telekung dan berjalan dengan wanita lain, sedangkan jantintanya dilaporkan lelaki seperti dalam kad pengenalan. Ramai yang beranggapan perbuatan yang dilakukan lelaki *trans* itu suatu yang tidak sepatutnya dilakukan, dan mempermainkan agama.

Sebenarnya, dalam peristiwa tersebut, bukanlah hanya soal hukum ibadat lelaki itu yang menjadi perbincangan utama, tetapi keabnormalan perlakuannya melakukan ibadat umrah dengan mengakui dirinya adalah perempuan itu lebih bahaya. Ditambah dengan mengenakan telekung dan beribadat dalam kawasan para jemaah wanita yang turut boleh dikira sebagai satu kesalahan kerana menyebabkan ketidakselesaan ke atas orang awam. Perlakuan yang dilakukan lelaki *trans* itu juga boleh membawa tanggapan yang salah dalam kalangan masyarakat umum berkaitan dengan ibadat dan kepercayaan seperti yang berikut;

- Pertama, seorang yang menginginkan dirinya menjadi perempuan (padahal dia lelaki) boleh melakukan keinginannya dan menentukan caranya dalam beribadat. Sedangkan cara ibadat itu dilakukan menyanggah fitrah kejadiannya dan seperti yang ditetapkan oleh Allah SWT.

- Kedua, benar atau betul suatu ibadat dirasakan diterima oleh Allah kerana tidak dihukum

atau diazab serta-merta. Maka itu, individu yang celaru tentang jantintanya menganggap perasaan dan fikirannya itu betul. Padahal, kekeliruan itu berpunca daripada kecelaruannya terhadap jantina sebenar yang tidak diterima oleh lelaki *trans*.

Jika ditinjau dari sudut tatacara beribadat bagi golongan *mukhannas*, Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-28 Musim Haji 1433 Hijrah telah menetapkan bahawa seorang *mukhannas* (lelaki berperwatakan perempuan) sama ada secara semula jadi atau yang telah menukar jantina, maka ibadat umrah atau haji adalah mengikut hukum asal kejadian individu tersebut. Daripada Ibn Abbas, dia berkata, "Rasulullah melaknat orang lelaki yang menyerupai wanita dan melaknat para wanita menyerupai lelaki."

Kesimpulannya, bermula dengan kekeliruan jantina yang dialami oleh seseorang atas faktor tertentu, maka seseorang itu akan terdorong memilih jalan yang salah. Dengan melakukan usaha menukar jantina, maka akan menambahkan kekeliruan terhadap identiti sebenar mereka. Individu yang bermasalah seperti lelaki *trans* yang celaru mengenai identitinya akan mengakibatkan timbul bermacam-macam kecelaruan dalam kalangan masyarakat. Walaupun belum sampai tahap yang boleh dikatakan mengganggu ketenteraman dan keselamatan awam, namun sedikit banyak melanggar batas norma masyarakat dan terbabas melepasi ruang privasi golongan wanita serta ruang awam. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kewujudan golongan transjantina yang sedang membiak dalam negara ini. DTI